



Peperiksaan Akhir
Sidang Akademik 2017/2018

Mei/Jun 2018

JOP452 – Pengurusan Sumber Manusia

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **EMPAT (4)** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan.

Jawab **EMPAT (4)** soalan. Jawab **Bahagian A SOALAN 1 (SOALAN WAJIB)** dan pilih **TIGA (3)** soalan daripada **Bahagian B**.

Soalan Bahagian A diperuntukkan 40 markah dan Bahagian B diperuntukkan 60 markah.

BAHAGIAN A [40 markah]**SOALAN 1 (WAJIB) (40 markah)**

Fatimah Mohd Yusoff merupakan pelajar yang cemerlang dan namanya tersenarai di antara sepuluh pelajar terbaik di USM. Dia mempunyai Ijazah Kejuruteraan Mekanikal dan tamat pengajiannya di USM pada tahun 2009. Semasa dia berada di tahun akhir pengajiannya di USM, dia telah menyediakan dirinya untuk menghadiri beberapa temu duga kerja. Sepanjang temu duga tersebut, segalanya berjalan dengan lancar dan dia yakin bahawa dia telah memberikan tanggapan yang baik kepada bakal majikannya.

Oleh kerana itu, Fatimah mempunyai keinginan yang tinggi untuk bekerja di Petromas Bhd. Dia merasakan bahawa dia mempunyai kemahiran yang diingini dan dia mempunyai personaliti yang sesuai untuk bekerja sebagai jurutera mekanikal di situ.

Walau bagaimanapun, Fatimah merasakan temu duga yang telah dijalannya merupakan satu pengalaman yang pahit buat dirinya. Temu duga tersebut dilakukan oleh seorang presiden, dua orang penolong presiden dan ketua jurutera. Kebanyakan soalan temu duga yang diajukan ialah soalan yang bertujuan melemahkan dirinya dan dia merasa sedikit tertekan semasa temu duga tersebut berlangsung. Antara soalan yang diajukan ialah "Di dalam resume anda, anda pernah bekerja sebagai pelayan secara sambilan, mengapakah individu yang cemerlang dan bijak seperti anda perlu bekerja sebagai pelayan?" dan soalan yang berbaur peribadi "Adakah anda bercadang untuk berkahwin dan mempunyai keluarga dalam masa yang terdekat ini?". Di akhir temu duga itu, Fatimah telah berjumpa dengan semua panel temu duga dan mereka berbincang dengan teliti mengenai kemahiran Fatimah di dalam bidang kejuruteraan mekanikal. Fatimah merasakan perbincangan ini berjalan dengan tidak begitu baik. Namun begitu, selepas beberapa minggu, dia terkejut apabila menerima tawaran kerja dari organisasi tersebut.

Pada masa ini, Fatimah sedang menimbangkan beberapa perkara sebelum dia menerima tawaran kerja tersebut. Dia berpendapat bahawa kerja itu cukup baik dan lokasi organisasi tersebut amatlah strategik baginya tetapi yang mengganggu fikirannya ialah cara panel penemuduga yang banyak melontarkan soalan yang membuatnya tertekan dan sedikit marah. Apabila Fatimah mengenang kembali cara dirinya ditemu duga, hatinya tertanya-tanya kenapakah agaknya kesemua panel penemuduga bersikap begitu? Apakah ia bertujuan menduga tahap kesabarannya? Adakah semua temu duga harus mempunyai soalan yang berunsur tekanan dan peribadi?

- 3 -

- (a). Merujuk pada kajian kes di atas, apakah pandangan anda tentang proses temu duga di Petromas Bhd.? Terangkan dengan ringkas **LIMA (5)** langkah yang perlu diambil untuk memastikan proses temu duga lebih efektif dan efisien?
- (15 markah)
- (b). Jika anda berada di tempat Fatimah, adakah anda menerima tawaran tersebut? Kenapa?
- (5 markah)
- (c). Permohonan sebagai seorang jurutera di Petromas Bhd. memerlukan kriteria-kriteria berikut:
- (i). Kemahiran teknikal yang bersesuaian dengan jawatan jurutera.
 - (ii). Kemahiran komunikasi yang baik terutamanya kemahiran khidmat pelanggan.
 - (iii). Bersedia untuk bertugas di merata dunia.
 - (iv). Komitmen kepada tugas.

Sekiranya anda ialah penemuduga bagi jawatan tersebut, senaraikan soalan-soalan yang anda perlu tanyakan kepada calon bagi setiap satu kriteria di atas.

(20 markah)

BAHAGIAN B [60 markah]**Jawab TIGA (3) soalan sahaja.****SOALAN 2 (20 markah)**

Di dalam teks ucapan Menteri Sumber Manusia (1999), beliau telah menekankan bagaimana kejadian gangguan seksual mempengaruhi moral pekerja dan seterusnya memberi impak yang besar pada prestasi kerja dan produktiviti pekerja.

- (a). Apakah yang dimaksudkan dengan gangguan seksual? Bagaimanakah seseorang pekerja itu membuktikan bahawa dirinya telah diganggu?
- (10 markah)

- 4 -

- (b). Bagaimanakah organisasi di Malaysia menangani masalah gangguan seksual yang berlaku di tempat kerja? Bincangkan.
(10 markah)

SOALAN 3 (20 markah)

Pemilihan pengurus untuk tugas di luar negara memerlukan pihak majikan untuk melatih pengurusnya dengan baik. Terdapat beberapa faktor yang boleh menyumbang kepada kejayaan proses penghantaran pengurus ini ke luar negara. Bincangkan **LIMA (5)** faktor tersebut.

SOALAN 4 (20 markah)

Apakah perbezaan antara kenaikan pangkat dan dipindahkan (*transfer*)? Nyatakan dan terangkan **EMPAT (4)** langkah yang perlu diambil apabila anda membuat keputusan yang berkaitan dengan kenaikan pangkat.

SOALAN 5 (20 markah)

Huraikan **KESEMUA** langkah yang terdapat dalam *Management by Objective (MBO)*.

SOALAN 6 (20 markah)

'*On the job training*' ataupun latihan semasa bekerja merupakan salah satu jenis latihan yang dilakukan di sesebuah organisasi. Bincangkan **EMPAT (4)** langkah yang dikenal pasti bagi menjayakan '*on the job training*'.

SOALAN 7 (20 markah)

Huraikan **LIMA (5)** masalah yang dihadapi oleh seorang pengurus semasa melakukan penilaian prestasi terutamanya jika ia menggunakan *graphic-type rating scales*.

- oooOooo -